

PERSEDIAAN ISYTIHAR CUKAI PENDAPATAN DI AMBANG TAHUN 2022

Telah menjadi kebiasaan untuk kita semua membuat perancangan awal menjelang tahun baharu bagi memastikan kita berada di landasan yang betul. Masih belum terlambat untuk anda mula merancang sekarang untuk pastikan tahun 2022 lebih baik daripada tahun ini.

Perancangan awal adalah penting supaya sasaran kita untuk hidup lebih selesa dan tenang dapat direalisasikan. Bukan sekadar untuk menambah baik taraf hidup, kita juga perlu membuat perancangan dengan baik agar urusan cukai tidak membebankan kita di kemudian hari. Ringkasnya, perancangan cukai ialah proses memperoleh pengetahuan cukai terkini dan mengambil langkah yang perlu untuk mengurangkan beban cukai pendapatan anda.

Perancangan cukai adalah manfaat untuk semua. Anda perlu bersedia dari sekarang untuk melaporkan pendapatan Tahun Taksiran 2021 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Merancang lebih awal boleh membantu anda untuk melaporkan pendapatan dan menuntut pelepasan cukai dengan tepat selain daripada mengelakkan kelewatan pemprosesan Borang Nyata (BN) anda yang boleh melambatkan bayaran balik cukai sekiranya ada.

Bagaimana untuk anda merancang dan mengurus cukai dengan bijak? HASiL kongsikan beberapa persediaan untuk anda isytihar cukai pendapatan di ambang tahun 2022.

Ketahui Tanggungjawab sebagai Pembayar Cukai

Adalah penting untuk anda ambil tahu tentang tanggungjawab sebagai pembayar cukai sebelum anda membuat persediaan selanjutnya untuk mengisytihar cukai pendapatan bagi Tahun Taksiran 2021 nanti. Jika anda merupakan individu yang mempunyai pendapatan penggajian tahunan melebihi RM34,000 (selepas potongan KWSP), daftar fail cukai pendapatan dengan HASiL segera sekiranya anda belum berbuat demikian menerusi <https://mytax.hasil.gov.my/> > Perkhidmatan ezHasil > e-daftar > Daftar Individu > Isi Borang Pendaftaran *Online* > Hantar .

Bagi individu yang mempunyai pendapatan perniagaan pula, tiada pendapatan minimum yang ditetapkan untuk mendaftar nombor cukai perniagaan. Secara automatiknya anda perlu lapor pendapatan perniagaan kepada HASiL.

Selepas anda menerima nombor Cukai Pendapatan, anda memerlukan nombor PIN e-Filing untuk menetapkan kata laluan e-Filing anda. Nombor PIN ini juga boleh diperoleh secara dalam talian menerusi <https://www.hasil.gov.my/> > Hubungi Kami > Maklum Balas > Maklum Balas Pelanggan > Permohonan > Permohonan Nombor PIN e-Filing > Sediakan dokumen yang diperlukan > Seterusnya > Isi Borang Permohonan *Online* dan muat naik dokumen yang ditetapkan > Hantar. 16 digit nombor PIN akan diterima menerusi emel yang telah didaftarkan dalam tempoh tiga hari bekerja. Untuk menggunakan e-Filing, anda bukan sahaja memerlukan nombor PIN malah anda perlu membina kata laluan menerusi <https://mytax.hasil.gov.my/> > Perkhidmatan ezHasil > e-filing > Login Kali Pertama > masukkan 16 digit Nombor PIN dan Nombor Kad Pengenalan > Hantar > Bina Kata Laluan. Setelah semuanya selesai, anda boleh menggunakan e-Filing bagi tujuan melapor pendapatan.

Pastikan anda tahu jenis Borang Nyata yang perlu diisi di mana setiap kategori pembayar cukai perlu menggunakan Borang Nyata yang berbeza seperti:

Kategori pembayar cukai	Jenis Borang Nyata
Individu Pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan	BE
Individu Pemastautin yang menjalankan perniagaan	B
Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)	BT
Individu Bukan Pemastautin	M
Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)	MT

Ingat Tarikh Penting

Tanggungjawab pembayar cukai bukan hanya terhad kepada mendaftar fail cukai pendapatan tetapi anda juga perlu ambil tahu tarikh-tarikh penting di mana pelaporan pendapatan untuk Tahun Taksiran 2021 boleh mula dibuat menerusi e-Filing mulai 1 Mac 2022. Penting untuk anda tandakan atau rekodkan di kalendar tarikh-tarikh penting urusan cukai anda kerana tarikh tersebut juga amat bermakna sama seperti tarikh hari lahir yang tersayang untuk diraikan. Pastikan juga anda tidak lupa tarikh akhir penghantaran e-Filing dan bayaran cukai yang perlu dibuat iaitu 30 April 2022 bagi Borang BE dan 30 Jun 2022 bagi Borang B.

Urusan cukai secara dalam talian lebih mudah dan menguntungkan. Laporan pendapatan menggunakan perkhidmatan e-Filing memberi kelebihan kepada anda di mana tarikh akhir penghantaran akan dilanjutkan sehingga 15 Mei 2022 bagi e-BE dan 15 Julai 2022 bagi e-B. Bukan itu sahaja, bayaran balik sekiranya ada juga boleh diproses dengan lebih cepat iaitu dalam tempoh 30 hari bekerja berbanding 90 hari bekerja sekiranya anda menggunakan borang manual. Pastikan anda menghantar e-Filing dalam tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan penalti.

Pilih Jenis Taksiran yang Betul

Anda perlu pastikan jenis taksiran dipilih dengan betul semasa menghantar e-Filing. Ada beberapa jenis taksiran iaitu taksiran bersama bagi anda yang telah berkahwin di mana taksiran cukai boleh dibuat sama ada atas nama suami atau isteri. Sekiranya isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami, isteri tidak perlu lagi membuat e-Filing. Begitu juga sebaliknya jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Jika anda memilih untuk ditaksir secara bersama, pastikan anda menepati syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:

- Suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun taksiran
- Mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami atau isteri
- Suami atau isteri yang memilih taksiran bersama mesti warganegara Malaysia, jika tidak bermastautin
- Pengagregatan jumlah pendapatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja

Walaupun anda telah berkahwin, anda masih boleh membuat taksiran secara berasingan tetapi harus diingat bahawa setiap pelepasan yang dituntut terutamanya melibatkan pelepasan anak perlu dibuat secara sama rata atau salah seorang sahaja yang menuntut. Jika suami atau isteri anda tidak bekerja atau tiada punca pendapatan atau pun pendapatan dikecualikan cukai, anda perlu memilih jenis taksiran diri sendiri. Selain daripada jenis taksiran yang telah dinyatakan ini, taksiran lain yang disediakan adalah bagi individu yang berstatus bujang/ janda/ balu/ duda/ si mati.

Jimat Cukai Tahun Taksiran 2021

Menjadi satu kewajipan kepada mereka yang mempunyai nombor fail cukai berdaftar dengan HASiL untuk melaporkan pendapatan yang diterima setiap tahun kepada HASiL, tidak kira pendapatan berkenaan dikenakan cukai atau tidak mengikut Seksyen 77, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Pendapatan bercukai ini boleh dikurangkan dengan pelepasan-pelepasan cukai yang layak.

Oleh itu, penting untuk anda membuat kiraan cukai pendapatan tahunan dan seterusnya mengenalpasti pelepasan dan rebat cukai yang layak dituntut kerana ini boleh membantu anda untuk membayar cukai yang lebih rendah daripada yang sepatutnya.

Dengan itu anda boleh merancang perbelanjaan termasuk bayaran cukai yang perlu dibayar berdasarkan pendapatan yang diterima bagi tahun 2021 mengikut kadar cukai pendapatan yang telah ditetapkan oleh HASiL. Kadar cukai ini boleh dirujuk di www.hasil.gov.my > Individu > Kadar Cukai Pendapatan.

Kadar Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2021

Banjaran Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai (RM)
0 - 5,000	5,000 pertama	0	0
5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	8	600 1,200
50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	13	1,800 2,600
70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	21	4,400 6,300
100,001 - 250,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	24	10,700 36,000
250,001 - 400,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya	24.5	46,700 36,750
400,001 - 600,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya	25	83,450 50,000
600,001 - 1,000,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	26	133,450 104,000
1,000,001 - 2,000,000	1,000,000 pertama 1,000,000 berikutnya	28	237,450 280,000
Melebihi 2,000,000	2,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	30	517,450

Kadar cukai pendapatan bagi Tahun Taksiran terkini boleh dirujuk di Portal Rasmi HASiL.

Setelah jumlah cukai pendapatan yang boleh dikenakan ke atas anda bagi Tahun Taksiran 2021 diketahui, sudah pasti anda ingin mengurangkan jumlah cukai tersebut. Ini boleh dilakukan sekiranya anda dapat memaksimumkan potongan cukai yang layak bagi tahun taksiran tersebut. Jumlah cukai yang kena dibayar akan ditentukan setelah ditolak dengan potongan cukai yang layak. Potongan cukai ini termasuklah pelepasan dan rebat cukai terkini bagi sesuatu tahun taksiran yang boleh dirujuk menerusi Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.

Gunakan sepenuhnya pelepasan cukai yang layak untuk menjimatkan bayaran cukai dan seterusnya memberi peluang kepada anda untuk menerima bayaran balik cukai yang terlebih bayar sekiranya anda telah membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) setiap bulan sepanjang tahun taksiran tersebut.

Kenal pasti pelepasan cukai individu untuk memudahkan anda melapor pendapatan dan menuntut pelepasan cukai yang layak semasa mengisytihar pendapatan bagi Tahun Taksiran 2021 menggunakan e-Filing, perkhidmatan dalam talian yang mudah, tepat dan selamat disediakan HASiL menerusi MyTAX – Gerbang Informasi Percukaian.

Banyak pelepasan cukai yang ditawarkan kerajaan bagi Tahun Taksiran 2021 kepada rakyat Malaysia. Semakan senarai penuh pelepasan 2021 yang ditawarkan boleh dibuat menerusi Portal Rasmi HASiL > www.hasil.gov.my > Individu > Pelepasan Cukai.



PELEPASAN INDIVIDU

INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGANGAN
RM9,000

INDIVIDU KURANG UPAYA
RM6,000

SUAMI ATAU ISTERI KURANG UPAYA
RM5,000

SUAMI/ISTERI/ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI
RM4,000

YURAN PENGAJIAN DIRI SENDIRI
RM7,000

- TERMASUK KURSUS UPSKILLING ATAU SELF-ENHANCEMENT DALAM APA-APA BIDANG KEMAHIRAN YANG DIKTIKRAF OLEH KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (TERHAD RM1,000)

GAYA HIDUP, PERUBATAN DAN PERALATAN BERKAITAN

PERBELANJAAN MELANCONG DALAM NEGARA
RM1,000

- PENGINAPAN DI PREMIS YANG BERDAFTAR
- BAYARAN MASUK KE PUSAT TARIKAN PELANCONGAN

GAYA HIDUP
RM2,500

- PEMBELIAN BAHAN BACAAN
- PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET
- BAYARAN LANGGANAN INTERNET
- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN & BAYARAN KEAHLIAN GYMNASIUM

PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN
RM1,000

- PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA
- ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN
- TUNTUTAN DIBUAT SEKALI SETIAP 2 TAHUN

RAWATAN PERUBATAN KEPERLUAN KHAS DAN PENJAJAAN IBU BAPA
RM8,000

TAMBAHAN RM2,500
-PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET

PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT SERIUS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK) & PERBELANJAAN RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)
RM8,000

- TERMASUK RAWATAN PERUBATAN PENUH, UJIAN PENGESAHAN COVID-19 DAN VAKSINASI YANG DIBENARKAN (TERHAD RM1,000)

PERALATAN ALAT SOKONGAN ASAS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK/IBUBAPA OKU)
RM6,000

TAMBAHAN GAYA HIDUP RM500 BERKAITAN AKTIVITI SUKAN
- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN
- SEWAAN/FI DI MANA-MANA FASILITI SUKAN
- FI PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN

PELEPASAN ANAK

ANAK BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN
RM2,000

- BELUM BERKAHWIN

ANAK KURANG UPAYA
RM6,000

ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN
RM2,000

- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR SEPENUH MASA

ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN
RM8,000

- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)

YURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK/ TADIKA BERDAFTAR
RM3,000

- BERUMUR 5 TAHUN DAN KE BAWAH
- DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI

TAMBAHAN BAGI ANAK KURANG UPAYA
RM8,000

- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)

CARUMAN DAN SUMBANGAN

INSURAN NYAWA DAN KWSP * INDIVIDU PENJAWAT AWAM BERPENCEN
RM7,000

ATAU

SELAIN PENJAWAT AWAM * INSURAN NYAWA/TAKAFUL
RM3,000

*** KWSP/SKIM YANG DILULUSKAN**
RM4,000

PERKESO
RM250

SKIM PERSARAAN DAN ANUITI TERTUNDA
RM3,000

INSURAN PERUBATAN DAN PENDIDIKAN (INDIVIDU/PASANGAN/ANAK)
RM3,000

SSPN (TABUNGAN BERSIH)
RM8,000

KEMASKINI SEHINGGA
22 DISEMBER 2021



Ke Arah Mengurangkan Kadar Jangkitan Penyakit Berjangkit

Usaha kerajaan untuk membendung penularan kes penyakit berjangkit seperti Covid-19 antara yang wajar dipuji apabila kos bagi ujian pengesanan Covid-19 dan vaksinasi dibenarkan sebagai pelepasan cukai. Pelepasan cukai ini bukan hanya terhad kepada suntikan vaksin Coronavirus Disease 2019 (Covid-19) malah turut diluaskan kepada vaksin-vaksin lain termasuk Pneumococcal, Human Papillomavirus (HPV), Influenza, Rotavirus, Varicella, Meningococcal dan kombinasi TDAP (Tetanus-Diphtheria-Acellular-Pertussis). Walau bagaimanapun, ianya terhad kepada RM1,000 sahaja.

Perbelanjaan suntikan vaksin untuk diri sendiri, pasangan atau anak ini dibenarkan sebagai pelepasan di bawah kategori Perbelanjaan Perubatan bagi Penyakit Serius dan Perbelanjaan Rawatan Kesuburan yang berjumlah RM8,000 keseluruhannya. Bukan itu sahaja, di bawah kategori ini juga membenarkan pelepasan cukai terhad RM1,000 bagi pemeriksaan perubatan penuh untuk diri sendiri, pasangan atau anak.

Melancong Dalam Negara, Kelebihan Kepada Pembayar Cukai

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan kerajaan pada tahun 2020 di mana rakyat tidak dibenarkan untuk merentas daerah dan negeri, banyak sektor pelancongan di Malaysia yang terjejas pendapatan mereka sehingga menyebabkan syarikat atau agensi pelancongan terpaksa ditutup kerana langsung tiada punca pendapatan. Bukan itu sahaja, hotel bertaraf lima bintang juga tidak mampu bertahan kerana pandemik Covid-19 ini.



Pastikan anda menginap di hotel dalam negara yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Pelancongan untuk mendapat pelepasan cukai.

Disebabkan itu juga, bagi merancakkan kembali industri pelancongan di Malaysia, kerajaan menggalakkan rakyat untuk melancong dalam negara dan membenarkan

kos penginapan di premis berdaftar dengan Pesuruhjaya Pelancongan (boleh disemak menerusi <https://www.motac.gov.my/semakan/hotel-berdaftar>) dan juga bayaran masuk ke pusat tarikan pelancongan sebagai pelepasan cukai. Walau bagaimanapun, bagi tujuan lapor pendapatan Tahun Taksiran 2021, perbelanjaan yang dibenarkan perlu dibuat pada atau selepas 1 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2021.

Menjamin Kesejahteraan Keluarga

Bagi memastikan anak-anak membesar dalam keluarga yang sejahtera, kerajaan juga telah membenarkan beberapa kategori pelepasan khusus untuk pembayar cukai yang telah berkeluarga terutamanya mereka yang mempunyai anak kecil. Ini adalah untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh ibu bapa muda terutamanya kerana kos agak tinggi bagi perbelanjaan barangan bayi dan pendidikan anak-anak pada zaman sekarang.

Untuk itu, kerajaan telah membenarkan pelepasan terhad kepada RM1,000 bagi pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaan sendiri bagi anak berumur dua tahun dan ke bawah. Walau bagaimanapun, potongan bagi perbelanjaan ini hanya terhad sekali sahaja dalam tempoh dua tahun taksiran. Selain itu, bayaran bagi penghantaran anak berumur enam tahun dan ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak atau tadika yang berdaftar juga dibenarkan sebagai potongan pelepasan yang terhad kepada RM3,000.



Pelepasan sehingga RM3,000 untuk bayaran taman asuhan kanak-kanak atau tadika yang berdaftar.

Bukan itu sahaja, ke arah mendidik masyarakat untuk menabung demi pendidikan anak-anak, kerajaan juga telah membenarkan potongan pelepasan bagi tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) di mana tabungan bersih ialah jumlah simpanan dalam tahun 2021 ditolak dengan jumlah pengeluaran dalam tahun yang sama. Potongan ini terhad kepada RM8,000.

Simpan Dokumen dan Rekod Penting

Pelepasan-pelepasan cukai yang dituntut semasa anda membuat e-Filing bukan hanya sekadar menuntut apa yang layak tetapi anda juga perlu pastikan setiap perbelanjaan tersebut perlu mempunyai bukti seperti resit pembelian, rekod bayaran, penyata akaun dan sebagainya bagi menyokong setiap pelepasan cukai yang dituntut sekiranya diperlukan. Kesemua resit, rekod dan dokumen bagi pendapatan dan perbelanjaan serta pelepasan yang dituntut perlu disimpan selama tujuh tahun bagi tujuan semakan dan audit HASiL mengikut Seksyen 82, ACP 1967.

Dokumen dan rekod tersebut boleh disimpan sama ada dalam bentuk salinan keras atau salinan lembut dan tidak semestinya salinan asal. Bagi mengelakkan dakwat pada resit atau bil hilang, mungkin anda boleh membuat salinan fotokopi atau salinan digital terlebih dahulu sebagai langkah terbaik menyimpan rekod. Bagi memudahkan rujukan pada masa akan datang, kategorikan dokumen yang disimpan mengikut fail dan tahun.

Bagi individu berpendapatan penggajian, pastikan anda menyimpan dengan baik penyata tahunan penggajian (Borang EA/ EC), penyata pendapatan faedah/ sewa selain daripada resit-resit tuntutan pelepasan. Manakala penyata untung rugi perniagaan, penyata kedudukan kewangan dan penyata aliran tunai perniagaan merupakan dokumen yang perlu disimpan oleh individu berpendapatan perniagaan bagi tujuan percukaian.

Rujuk Kepada yang Pakar

Urusan lapor pendapatan bukan sesuatu yang boleh diambil mudah oleh setiap pembayar cukai lebih-lebih lagi kepada individu yang menjalankan perniagaan atau mempunyai pendapatan selain daripada penggajian seperti komisen sebagai

perunding kewangan atau insurans, pendapatan daripada sewaan inap desa, *Youtuber* dan lain-lain. Bagi mengelakkan anda membuat kesilapan yang tidak disengajakan, anda boleh dapatkan bantuan profesional.

Tidak salah sekiranya anda berkemampuan untuk mendapatkan khidmat akauntan dan perunding atau ejen cukai profesional bagi membantu anda merancang dan menyediakan perancangan cukai yang lebih teratur. Pastikan anda melantik ejen cukai yang berdaftar dengan HASiL di mana senarainya boleh disemak menerusi Portal Rasmi HASiL > Ejen Cukai > Cari Ejen Cukai.

Cukai Anggaran vs Cukai Sebenar

Sebenarnya masih ramai yang terkeliru antara cukai anggaran yang dibayar lebih awal secara ansuran setiap bulan dan cukai sebenar yang dibayar setelah anda membuat e-Filing. Cukai anggaran bagi individu yang berpendapatan penggajian dibayar secara Potongan Cukai Bulanan (PCB) melalui gaji yang diterima manakala individu yang menjalankan perniagaan akan membayar cukai anggaran mereka secara ansuran menggunakan CP500.

PCB ialah cukai anggaran yang dikira oleh pihak majikan anda sahaja. Anda boleh menuntut pelepasan cukai menerusi e-Filing bagi membolehkan anda mengetahui jumlah cukai sebenar yang perlu dibayar. Sekiranya cukai sebenar anda adalah lebih rendah daripada PCB, HASiL akan mengembalikan lebihan bayaran cukai tersebut melalui bayaran balik ke akaun bank anda yang telah didaftarkan.

Jumlah anggaran cukai di bawah CP500 adalah berasaskan kepada amaun cukai kena dibayar bagi tahun taksiran sebelum sesuatu tahun taksiran tersebut. HASiL akan mengeluarkan Notis Bayaran Ansuran pada awal tahun dan anda perlu membuat enam bayaran ansuran secara dwibulanan mulai bulan Mac tahun taksiran semasa sehingga bulan Januari tahun taksiran berikutnya.

Permohonan untuk meminda amaun anggaran cukai ini boleh dibuat sebelum 30 Jun tahun semasa dengan menggunakan Borang Permohonan PINdaan Bayaran Ansuran (CP502) dan perlu dikemukakan ke cawangan HASiL berkenaan pada atau

sebelum 30 Jun tahun taksiran berkenaan. CP502 ini boleh didapati di Portal Rasmi HASiL menerusi <https://www.hasil.gov.my>.

Tanggungjawab peniaga

Sekiranya anda merupakan individu yang berniaga, anda juga perlu lapor pendapatan perniagaan tersebut kepada HASiL. Pastikan anda tunaikan tanggungjawab anda sebagai pembayar cukai dengan:

- a) Mendaftar sebagai pembayar cukai apabila hendak memulakan perniagaan
- b) Mengemukakan BN dalam tempoh yang ditetapkan
- c) Menyediakan akaun dan penyata bagi lain-lain pendapatan
- d) Simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama tujuh tahun
- e) Mendapatkan khidmat akauntan bertauliah atau ejen cukai berdaftar
- f) Mematuhi Notis Bayaran Ansuran CP500
- g) Memaklumkan secara bertulis sekiranya perniagaan ditamatkan atau berlakunya pertukaran ahli perkongsian

Bukan itu sahaja, sebagai peniaga, anda juga perlu memastikan perbelanjaan yang boleh dituntut dan tidak boleh dituntut. Perbelanjaan yang boleh dituntut ialah perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan seperti upah, gaji, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), insurans perniagaan (kecurian/ kebakaran), sewa dan faedah atas PINjaman. Pastikan anda sebagai peniaga tidak menuntut perbelanjaan yang tidak dibenarkan sebagai potongan cukai. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan ini merupakan perbelanjaan persendirian seperti bil elektrik dan bil rumah kediaman, yuran pendidikan anak, pembelian aset peribadi seperti kereta, rumah, perabot dan lain-lain. Perbelanjaan permulaan seperti belanja penubuhan perniagaan dan belanja pengiklanan juga tidak dibenarkan untuk dituntut sebagai potongan cukai.

Penyimpanan Rekod Selama 7 Tahun oleh Peniaga

Sebagai peniaga yang juga pembayar cukai, anda juga perlu memastikan dokumen atau rekod perniagaan disimpan selama tujuh tahun sekiranya diminta oleh HASiL bagi tujuan audit cukai. Dokumen atau rekod yang perlu disimpan sebagai peniaga adalah seperti:

- a) Penyata pembayaran (Paypal, Ipay88, MOL dan lain-lain)
- b) Perbelanjaan domestik dan persendirian
- c) Penyata bank atau penyata kewangan lain
- d) Penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan dalam talian (seperti Nuffnang, Google Adsense dan lain-lain)
- e) Inbois jualan dan rekod belian
- f) Pengesahan jualan dan belian melalui emel dan lain-lain
- g) Dokumen perjanjian
- h) Resit asal bagi setiap pelepasan atau belanja yang dituntut dan lain-lain

HASiL telah memperkenalkan SePINtas e-Buku Hasil yang boleh dicapai menerusi <https://mytax.hasil.gov.my/> di mana ia mengandungi asas percukaian serta memberi penekanan kepada topik-topik yang sering ditanyakan oleh pembayar cukai. e-Buku turut disediakan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi kemudahan pembayar cukai. Jadi, dapatkan maklumat lanjut berkaitan cukai perniagaan menerusi e-Buku ini. Bukan itu sahaja, maklumat cukai untuk anda yang berpendapatan penggajian juga boleh diperoleh di sini.

Tanggungjawab majikan

Bagi tujuan pengemukaan BN oleh pembayar cukai, majikan juga adalah bertanggungjawab untuk menyedia dan menyerahkan Penyata Saraan daripada penggajian kepada pekerja pada atau sebelum akhir bulan Februari bagi membolehkan pekerja mereka menghantar Borang BE secara e-Filing (e-BE). Terdapat dua jenis penyata saraan atau gaji iaitu:

- a) EA – Penyata gaji pekerja agensi swasta
- b) EC – Penyata gaji pekerja agensi kerajaan

PCB daripada saraan pekerja ini akan diremitkan oleh majikan kepada HASiL bagi pihak pekerja bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai dikira.

Saraan bulanan minimum yang layak dikenakan PCB setelah ditolak KWSP bagi individu (bujang) adalah sekurang-kurangnya RM3,141 sebulan atau pendapatan penggajian tahunan melebihi RM34,000.

Majikan boleh menyemak pengiraan PCB menggunakan Kalkulator PCB ataupun e-Data PCB dengan mengakses Portal Rasmi HASiL untuk lebih kepastian ataupun terus ke pautan MyTAX di mana semua kemudahan dalam talian ezHASiL boleh diperolehi di sana.

Contoh-contoh saraan yang tertakluk kepada PCB adalah termasuk gaji, fi Pengarah, upah, perkuisit, bayaran kerja lebih masa, Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS), komisen, cukai ditanggung majikan, tip, elaun, bonus atau insentif dan saraan lain berkaitan dengan penggajian.

Selain menyediakan Penyata EA atau EC kepada pekerja, majikan juga bertanggungjawab untuk mengemaskini butiran dan alamat pekerja dalam *payroll system* masing-masing. Majikan juga perlu menyimpan dokumen atau rekod selama tujuh tahun. Bukan itu sahaja, majikan perlu membuat potongan PCB daripada saraan pekerja dan diremitkan sebelum atau pada 15hb bulan berikutnya menggunakan sistem-sistem yang dibangunkan oleh HASiL seperti e-PCB/ e-Data PCB/ e-CP39 atau boleh juga melalui ejen-ejen HASiL seperti bank-bank terpilih dan POS Malaysia.

PCB sebagai Cukai Muktamad

Individu yang hanya mempunyai pendapatan penggajian boleh memilih PCB yang telah dipotong oleh majikan sebagai cukai muktamad di mana anda tidak diwajibkan untuk mengemukakan BN atau membuat e-Filing apabila anda memilih PCB sebagai Cukai Muktamad. Hal ini kerana PCB yang telah dipotong oleh majikan dengan menggunakan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 dianggap sebagai cukai muktamad yang bersamaan dengan cukai yang sepatutnya dikenakan ke atas individu pembayar cukai tersebut.

Kaedah ini telah bermula pada tahun taksiran 2014 lagi. Bagaimanapun, anda perlu memenuhi beberapa kriteria jika ingin memilih PCB sebagai Cukai Muktamad iaitu:

- a) Mempunyai pendapatan daripada penggajian sahaja
- b) Pastikan majikan telah memotong cukai bulanan atau PCB
- c) Bekerja dengan majikan yang sama dalam satu tahun taksiran
- d) Cukai tidak ditanggung oleh majikan
- e) Memilih taksiran berasingan bagi pasangan suami dan isteri

Bagi mereka yang tidak mempunyai PCB kerana pendapatan kurang daripada jumlah yang boleh dikenakan cukai, mereka juga boleh memilih untuk tidak menghantar BN.

PCB boleh dianggap sebagai cukai muktamad kerana PCB yang dipotong oleh majikan anda adalah bersamaan dengan amaun cukai kena dibayar dan tiada taksiran dibangkitkan oleh HASiL bagi tahun taksiran tersebut. PCB tersebut juga telah dipotong dengan betul setelah mengambilkira potongan/ pelepasan/ rebat. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh memilih PCB sebagai cukai muktamad sekiranya anda mempunyai pendapatan lain seperti pendapatan sewa yang perlu dilaporkan. PCB juga tidak boleh dipilih sebagai cukai muktamad sekiranya anda ingin membuat tuntutan pelepasan yang tidak dituntut sebelum ini seperti insurans perubatan dan pendidikan, pembelian peralatan penyusuan dan sebagainya. Pilihan di tangan anda. Anda boleh memilih untuk mengemukakan BN kerana ini akan mengurangkan amaun cukai yang sepatutnya dibayar.

Sekiranya anda ingin menuntut pelepasan lain dalam pengiraan PCB, anda boleh mengisi Borang TP1 bagi membuat tuntutan pelepasan atau rebat seperti pembelian bahan bacaan, pembelian komputer peribadi, insurans perubatan dan pendidikan, peralatan sukan dan juga perbelanjaan perubatan termasuk peralatan sokongan asas untuk ibu bapa. Borang TP1 yang boleh dimuat turun menerusi Portal Rasmi HASiL di <https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/TP12013.pdf> hendaklah diserahkan kepada majikan. Majikan akan mengemaskini data dan PCB yang dipotong dengan mengambilkira tuntutan di atas setiap bulan sebelum dikemukakan kepada HASiL.

Sekiranya semua tuntutan pelepasan ini telah diambilkira semasa majikan membuat PCB, anda boleh memilih untuk tidak mengemukakan BN.

Lapor dan Bayar

Sebagai pembayar cukai yang bertanggungjawab, anda bukan sahaja perlu melaporkan pendapatan yang diterima setiap tahun kepada HASiL tetapi juga membuat bayaran cukai yang dikenakan ke atas anda menerusi kiraan pendapatan bercukai setelah ditolak dengan pelepasan dan rebat cukai. Bayaran cukai boleh dibuat menggunakan aplikasi ByrHASiL menerusi <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHasil > ByrHASiL. Pembayar cukai dinasihatkan untuk tidak membuat lebih daripada satu kali bayaran pada satu-satu masa sekiranya tidak menerima status bayaran. Bayaran boleh disemak melalui e-Lejar menerusi MyTax dalam tempoh tiga hari bekerja atau hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 untuk maklumat lanjut.



Bayaran cukai lebih mudah dengan ByrHASiL, perkhidmatan dalam talian ditawarkan oleh HASiL kepada pembayar cukai.



Bayaran boleh dibuat menerusi perbankan internet dengan bank-bank ahli FPX terpilih

Bayaran cukai menerusi FPX memerlukan pengguna untuk mempunyai perbankan internet dengan mana-mana bank yang menyertai FPX di mana senarai bank yang terlibat boleh dirujuk menerusi <https://www.paynet.my/fpx/banks-tpa.html>.

Bagi bayaran cukai menggunakan kad kredit pula, pembayar cukai boleh membuat bayaran cukai pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah menggunakan kad kredit secara dalam talian di <https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/>. Perkhidmatan ini boleh digunakan oleh semua kad kredit/ debit VISA, Mastercard dan American Express yang dikeluarkan di Malaysia. Bayaran cukai pendapatan menggunakan kad kredit boleh dilakukan menerusi ByrHASiL bermula dari jam 12.00 pagi sehingga 10.59 malam setiap hari. Perkhidmatan akan ditutup dari jam 11.00 malam setiap hari bagi tujuan penyelenggaraan sistem.

Cukai Menjamin Kemakmuran Bersama


Cukai ialah suatu yang tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan kita, pentadbiran negara dan ekonomi. Hasil cukai ini digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus serta menampung perbelanjaan membangunkan negara.

BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2022

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



¹ Terdiri daripada hasil dan pinjaman.

² Tidak termasuk simpanan luar jangka.

³ Kumpulan Wang COVID-19 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020).

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

35.7% hasil kerajaan datanginya daripada cukai pendapatan yang disumbangkan oleh pembayar cukai demi kemakmuran bersama.

HASiL sebagai agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai langsung, saban tahun mengadakan pelbagai kempen seperti Jom Klik Hasil dan peringatan kepada pembayar cukai supaya menunaikan tanggungjawab mereka untuk menghantar BN sama ada secara manual atau dalam talian melalui e-Filing dan membayar cukai yang sepatutnya. Bukan itu sahaja, HASiL turut memberi kesedaran dan pendidikan cukai menerusi program wawancara di stesen TV, stesen radio dan media digital termasuk siaran langsung di Facebook bagi memastikan rakyat sedar tentang kepentingan cukai kepada pembangunan negara dan

kemakmuran bersama. Maklumat tersebut boleh diperolehi di eduZONE menerusi laman Portal Rasmi HASiL.

Namun, masih ramai lagi yang masih belum memahami dan culas membayar cukai. Pembangunan sebuah negara di dunia termasuk Malaysia sebahagian besarnya dibiayai oleh hasil cukai. Jadi, bayangkan Malaysia tanpa hasil cukai.

Bagi individu yang berniaga, melapor pendapatan perniagaan kepada HASiL suatu yang memberi manfaat kepada anda kerana borang pengisytiharan cukai pendapatan antara dokumen penting yang diperlukan oleh pihak bank bagi meluluskan permohonan pembiayaan perniagaan. Realitinya, individu yang membayar cukai ialah individu yang mempunyai pendapatan tetap dan kedudukan kewangan yang kukuh. Jadi, tidak menjadi masalah kepada pihak bank untuk meluluskan pembiayaan tersebut.

Cukai sebenarnya tidak membebankan anda tetapi sebenarnya hasil cukai ini telah banyak membantu kita semua terutamanya di saat negara dilanda musibah pandemik Covid-19. Dalam Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2022, sebanyak 35.7% hasil Kerajaan yang datangnye daripada cukai langsung telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan dimana 6.9% telah diperuntukkan khusus untuk Kumpulan Wang Covid-19. Bukan itu sahaja, hasil cukai ini turut digunakan untuk memastikan pelaksanaan program dan projek di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang lebih teratur. Semua ini diharap mampu membuka mata anda untuk sama-sama menyumbang kepada negara dengan lapor dan bayar cukai pendapata.

Anda membayar cukai bermakna anda telah bekerjasama dengan pembayar cukai yang lain dengan memberi dana kepada kerajaan untuk melaksanakan pakej-pakej rangsangan bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan akibat Covid-19 selain daripada mereka yang terlibat dengan bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini. Jadi, ayuh ambil tahu tentang cukai dan laksanakan tanggungjawab membayar cukai demi negara tercinta. Bersedia untuk lapor dan bayar cukai pendapatan anda bagi Tahun Taksiran 2021 mulai 1 Mac 2022 nanti.

Peruntukan Baru 2021 - Akses ke akaun bank pembayar cukai

Rang Undang-Undang Kewangan 2021 pada 15 Disember 2021 telah memberi kebenaran kepada HASiL untuk mendapatkan maklumat akaun bank pembayar cukai hanya bagi kes-kes yang melibatkan perintah garnisi di mana mahkamah telah memutuskan untuk membenarkan garnisi dibuat.

Prosiding garnisi ialah proses untuk menguatkuasakan penghakiman wang dengan menyita atau menahan hutang yang perlu dibayar kepada HASiL kerana adanya tunggakan cukai yang belum dijelaskan oleh pembayar cukai.

Sungguhpun begitu, kuasa yang diberikan di bawah peruntukan baharu ini tidak memberi kuasa mutlak kepada HASiL untuk mengakses akaun bank pembayar cukai dengan sewenang-wenangnya. Ia perlu melalui proses penghakiman yang ditetapkan dan hanya terhad kepada kes-kes yang telah melalui prosiding sivil terlebih dahulu.

Bagi pembayar cukai yang sedia menjalankan tanggungjawab percukaian dengan teratur, anda tidak perlu risau kerana peruntukan ini tidak terpakai kepada anda. Justeru, orang ramai tidak perlu bimbang dengan PINdaan baharu ACP 1967 ini.

Ketidakpatuhan Cukai

HASiL sentiasa mengingatkan pembayar cukai agar melaporkan pendapatan yang diterima setiap tahun mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya anda sebagai pembayar cukai gagal untuk berbuat demikian, ianya akan memberi kesan yang besar terhadap jurang cukai, di mana hasil negara tidak dapat dikutip secara optimum dan kesannya, dana yang boleh dibelanjakan oleh kerajaan untuk rakyat tidak mencukupi.

Terdapat beberapa perkara yang menyebabkan ketidakpatuhan cukai yang boleh dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu tidak berdaftar dengan HASiL, tidak melaporkan pendapatan, melaporkan pendapatan kurang daripada yang sepatutnya dan menuntut pelepasan atau perbelanjaan secara berlebihan.

Banyak faktor yang menjurus kepada ketidakpatuhan cukai ini termasuk sikap individu itu sendiri yang seboleh-bolehnya tidak mahu membayar dengan memberi pelbagai alasan. Selain itu, wujudnya ruang untuk melakukan pengelakan cukai antara faktor yang mendorong ke arah ketidakpatuhan cukai ini selain daripada kurangnya pengetahuan berhubung tanggungjawab dan kesedaran sebagai pembayar cukai.

Sebenarnya, isu ketidakpatuhan cukai ini merupakan isu global dan dialami oleh semua Pihak Berkuasa Percukaian termasuk di negara maju. Apa yang membezakannya ialah peratus ketidakpatuhan yang berlaku. Ini dikenali sebagai jurang cukai iaitu perbezaan diantara jumlah cukai yang dikutip berbanding jumlah cukai yang sepatutnya dikutip. Perbezaan inilah yang mewujudkan jurang cukai. Jadi, tidak hairanlah jika terdapat pembayar cukai yang diaudit atas perkara-perkara di atas.

Hubungi HASiL

HASiL sentiasa bergerak maju ke depan seiring dengan perkembangan teknologi masa kini apabila menggunakan medium digital termasuk media sosial sebagai salah satu daripada saluran perhubungan antara HASiL dan orang ramai terutamanya pembayar cukai. Ini adalah sebagai pilihan kepada pembayar cukai di mana mereka boleh memilih medium yang mudah untuk berkomunikasi dengan HASiL. Jika sebelum ini, kebanyakan pembayar cukai membuat panggilan telefon kepada HASiL sebagai cara komunikasi sehingga terdapat banyak rungutan mengatakan sukar untuk menembusi panggilan. Perkara ini memang tidak dinafikan kerana penerimaan jumlah panggilan yang agak tinggi setiap tahun telah menyebabkan talian sentiasa sibuk dan sukar untuk ditembusi.



HASiL mempelbagaikan saluran komunikasi demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pembayar cukai.

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, HASiL telah memperkenalkan beberapa saluran komunikasi di mana orang ramai terutamanya pembayar cukai boleh memilih saluran komunikasi yang selesa untuk mereka gunakan. Antara saluran komunikasi yang boleh digunakan untuk anda hubungi HASiL adalah:

Hasil Chat	• Fungsi <i>live chat</i> yang membolehkan komunikasi antara pembayar cukai dan pegawai Hasil Care Line secara waktu sebenar • Pembayar cukai boleh memuatnaik dokumen berkaitan • Boleh diakses menerusi MyTax • Hanya tersedia pada waktu operasi pejabat
Laman media sosial	Facebook/ Instagram/ Twitter/ Youtube Rasmi milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia • <i>Follow</i> kami untuk maklumat cukai terkini • Anda boleh DM/ PM kami jika mempunyai masalah cukai menggunakan medium media sosial
Borang Maklum Balas Pelanggan	www.hasil.gov.my > Hubungi Kami > Maklum Balas > Maklum Balas Pelanggan sekiranya anda mempunyai: Pertanyaan/ Cadangan/ Penghargaan/ Aduan

Ketahui Hak Anda sebagai Pembayar Cukai

HASiL ingin memastikan pembayar cukai dilayan secara adil bersesuaian dengan Budaya Korporat HASiL iaitu melaksanakan sistem percukaian yang berkesan, adil dan saksama. Hak pembayar cukai juga turut termaktub dalam Piagam Pelanggan HASiL bagi memastikan hak anda sebagai pembayar cukai sentiasa terpelihara iaitu:

- a) Menerima layanan sewajarnya
- b) Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh HASiL
- c) Melantik wakil yang berkeelayakan untuk menguruskan fail percukaian; dan
- d) Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai

Justeru itu, pembayar cukai yang tidak berpuas hati terhadap mana-keputusan yang dikeluarkan oleh HASiL boleh menyalurkan aduan menerusi Borang Maklum Balas Pelanggan yang boleh dicapai di Portal Rasmi HASiL atau terus ke pautan <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

Pembayar cukai juga mempunyai hak untuk membuat rayuan ke atas taksiran yang dibangkitkan apabila berlaku situasi-situasi seperti pelepasan tidak diberikan sepenuhnya, terlupa untuk menuntut apa-apa bayaran dan perbelanjaan tertentu atau tidak berpuas hati dengan taksiran pendapatan oleh HASiL. Penerangan lanjut berhubung rayuan cukai ini boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No.7/2020 melalui Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum.

Bagi membolehkan HASiL memberikan perkhidmatan yang berkesan seperti yang termaktub dalam Piagam Pelanggan, pembayar cukai adalah bertanggungjawab untuk:

- a) Melaporkan pendapatan cukai yang betul dan tepat
- b) Mengemukakan Borang Nyata, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan
- c) Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik
- d) Memaklumkan HASiL dengan segera sebarang perubahan alamat
- e) Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan
- f) Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan HASiL; dan
- g) Mengemaskini maklumat

Kesimpulan

Pembayar cukai individu khususnya perlu ada rasa tanggungjawab dan menekankan konsep menyumbang dalam diri masing-masing iaitu apa yang diberi akan mendapat manfaat dan dinikmati semula di masa depan. Justeru, bukan semata-mata memenuhi tuntutan undang-undang cukai semata-mata, sebaliknya menanamkan kesedaran dan berkerjasama dengan kerajaan untuk membangunkan negara demi kesejahteraan kehidupan bersama. Maklumat lanjut di www.hasil.gov.my.

Disediakan oleh:
Seksyen Penerbitan dan Publisiti
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia
Jabatan Khidmat Korporat
nnas/2021